

19 NOV 1997

BADAN PERHUBUNGAN UMNO NS KUTUK DRAF USUL 34 ANGGOTA KONGRES

SEREMBAN, 19 Nov (Bernama) -- Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan mengutuk draf usul oleh 34 anggota kongres Amerika Syarikat yang meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf atau meletak jawatan kerana didakwa membuat kenyataan anti-Yahudi.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad berkata, mereka (anggota kongres) tidak perlu campur tangan dalam hal ehwal negara ini dan mengajar rakyat Malaysia untuk mencari pemimpin baru.

"Kita telah merdeka 40 tahun dan kita telahpun beberapa kali mengadakan pilihan raya serta tahu memilih pemimpin yang mana sesuai untuk kita rakyat Malaysia," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di sini, hari ini.

Mohd Isa yang juga Menteri Besar berkata, rakyat Malaysia peka dan tahu menilai para pemimpin mereka.

Sehubungan itu katanya beliau telah mengarahkan semua Bahagian Umno dan Wakil Rakyat supaya memberi penerangan akan suasana ini dan keadaan ekonomi negara berikutan kejatuhan nilai ringgit dan saham.

-- BERNAMA

RP PR